

LAMPIRAN C – Modul Istitabah

Modul Istitabah

Modul Istitabah MAIS ini telah dilancarkan pada April 2017. Ia telah dibangunkan pada akhir tahun 2012 hingga tahun 2016 dengan menggunakan tenaga pakar dari pelbagai bidang.

Tujuan modul ini dibangunkan adalah khusus untuk memulihkan pesalah-pesalah akidah dengan melalui proses pemulihan bermula daripada Saringan Klinikal, Saringan Kerohanian Islam dan Pengukuran Tahap Riddah di Negeri Selangor. Berasaskan kepada keputusan yang diperolehi semasa sesi saringan, para pelatih akan mengikuti proses pemulihan dan pengukuhan. Selain itu, modul ini juga bagi kes-kes sosial seperti di dalam Enakmen Jenayah Syariah.

Seterusnya, modul ini juga menyediakan khidmat sokongan pasca pemulihan bagi memastikan akidah mereka terus kekal di dalam Islam. Pelatih yang telah disahkan pulih oleh Jawatankuasa Penilaian Istitabah dibantu oleh pihak Mais dengan kerjasama agensi-agensi agama.

Modul ini dapat dibuktikan keberkesanannya di mana pihak Mais telah menggunakan modul ini kepada Encik Abdul Kahar Bin Ahmad yang sebelum ini digelar sebagai 'Rasul Melayu' di penjara kajang selama 6 bulan bermula 2 Mac 2015 sehingga 25 Ogos 2015. Beliau telah menjalani beberapa fasa utama iaitu

1. Proses saringan pengukuran keparahan akidah;
2. Proses rawatan spiritual islam;
3. Proses pemulihan; dan
4. Proses sokongan.

Program ini mendapat kerjasama yang amat baik daripada Jabatan Penjara Malaysia dan hasil daripada program ini, Jawatankuasa Riqab dan Jawatankuasa Penilai Istitabah, MAIS telah bersetuju bahawa Abdul Kahar Bin Ahmad menunjukkan respon yang positif terhadap modul yang digunakan serta menunjukkan tanda-tanda beliau telah mula insaf. Sehubungan itu Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang diadakan pada 16 Dec 2016

memutuskan Abd Kahar Bin Ahmad Jalal tidak lagi mengamalkan ajaran salah dan telah bertaubat pada 16 Mei 2016.

Perkongsian penggunaan Modul Istitabah ini dengan Majlis Agama Islam Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri berjalan dengan baik. Dapat difahami bahawa Modul Istitabah ini perlu dilaksanakan secara praktikal di setiap negeri bagi melihatkan keberkesannya terhadap pesalah-pesalah akidah, termasuk juga kes-kes sosial. Pihak MAIS telah mengadakan Training For Trainer (TOT) dan taklimat serta penerangan berkaitan Modul ini di Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri (JAIN) antaranya adalah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Majlis Agama Islam Melaka, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Majlis Agama Islam Pahang, Jabatan Agama Islam Pahang, Jabatan Agama Islam Kedah, Jabatan Agama Islam Sarawak, Majlis Agama Islam Kedah, Jabatan Agama Islam Kelantan, Jabatan Agama Islam Perak serta agensi-agensi awam.

Komponen yang amat penting di dalam Modul Istitabah ini adalah Rawatan Spiritual Islam yang menerangkan secara ilmiah serta secara praktikal kaedah pemulihan yang sebenar selari dengan hukum syara'.

DEFINASI PERUBATAN ISLAM

Perubatan dan pengubatan Islam ialah perubatan dan pengubatan yang mempunyai asas (*basic*) yang selaras dengan al-Quran dan al-Sunnah, tidak berlawanan dengan kedua-dua sumber Islam tersebut, baik dari aspek paradigmanya, konsepnya, aspek nilai, prosedurnya atau tatacaranya (terutamanya yang berkait dengan kaedah amalannya), tujuannya dan aspek-aspek lain yang berkaitan dalam bidang perubatan. Oleh demikian, perubatan Islam bersifat universal mencakupi semua aspek keperluan perubatan, fleksibel dan sentiasa menerima apa juga sistem atau kaedah perubatan, asal tidak berlawanan dengan al-Quran dan al-Sunnah.

Maka, perubatan Islam tidak terbatas dengan sesuatu masa atau sesuatu tempat, tidak juga terhad kepada mana-mana sistem perubatan tertentu, tidak terhad kepada perubatan Rasulullah atau *tibb al-Nabawi*. Sistem perubatan alopati (*allopathy*), homeopathy dan lain-lainnya adalah termasuk dalam perubatan Islam, jika selaras dengan al-Quran dan al-Sunnah. Adalah salah, jika

ada anggapan bahawa perubatan Islam hanya yang berkaitan dengan perubatan spritual yang menumpukan kepada *ruqyah*, doa dan zikir sahaja. Dapat disimpulkan perubatan Islam yang digunapakai oleh umat Islam pada masa ini terbahagi dua:

Pertama, perubatan Islam moden, yang meliputi kaedah perubatan alopati (*allopathy*), homeopathy dan lain-lainnya

Kedua, perubatan spritual Islam yang menumpukan kepada kaedah *ruqyah*, doa, zikrullah, solat taubat dan hajat, mandian, bekam, penggunaan herba dan sebagainya

PERBEZAAN ASAS ANTARA PENGUBATAN MODEN DENGAN SPRITUAL ISLAM.

Perbezaan yang penting antara asas pengubatan moden dengan pengubatan spritual Islam ialah pengubatan spritual Islam didasarkan kepada tiga element yang berhubung kait; sebab, musabbab dan musabbibal-asbab. Ubat yang diambil adalah sebab. Sembuhnya penyakit adalah musabbab. Kehendak dan kuasa Allah adalah musabbibal-asbab. Ubat bukan yang menyembuhkan secara mutlak; ubat hanya sebab sahaja; penyembuh sebenar ialah Allah yang maha berkuasa dan maha berkehendak.

Oleh yang demikian kejayaan dan keberkesanan pengubatan spritual Islam lebih bergantung kepada perawat yang memberikan khidmat rawatan atau pengubatan. Jika perawat lebih bersifat takwa dan tawakkal maka kesan pengubatan lebih baik dan memuaskan.

Pengubatan spritual Islam juga menitikberatkan mengenai aspek kerohanian dan pelbagai gangguan jin dan syaitan.

Pengubatan moden pula hanya diasaskan kepada dua element sahaja iaitu sebab dan musabbab, tanpa musabbibal-asbab. Kerana, pemikiran hidup moden Barat menolak seluruh dogma agama. Oleh yang demikian kejayaan dan keberkesanan pengubatan moden lebih bergantung kepada ubat dan peralatan. Jika ubat dan peralatan yang lebih baik dan canggih, maka diyakini kesannya lebih baik dan memuaskan. Aspek dalaman atau kerohanian termasuklah masalah gangguan jin syaitan diketepikan sepenuhnya.

MENIMBULKAN KEMAHUAN DAN KEAZAMAN

Pesakit mestilah mempunyai kemahuan hati untuk merubah keadaan diri, dan seluruh gaya hidup; bersungguh-sungguh membina satu hidup baru yang bersih dan sihat, disamping bertaubat terus kembali kepada keredaan Allah. Tanpa ada niat atau hasrat hati yang bulat serta bertaubat, maka keadaan mereka tidak akan berubah. Syarat ini telah ditentukan oleh Allah dalam al-Quran. Allah berfirman:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ ۗ

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah apa yang ada (keadaan) pada seseorang, sehingga mereka merubah apa yang ada di dalam hati mereka". (ar-Rad: 11)

TAUBAT DAN INABAH TERPIMPIN

Setelah pesakit ada hasrat atau kemahuan, maka wajiblah bertaubat. Semua langkah taubat dan inabah (taubat dari dosa dalaman/ batin) hendaklah dilakukan di bawah pimpinan seorang pendakwah yang menjadi mentornya. Sebab para sahabat bila bertaubat kerana melakukan kesalahan akan menemui Rasulullah s.a.w. dan bertaubat di bawah pimpinan baginda s.a.w. Allah berfirman:

وَلَوْ أَنَّهُمْ إِذْ ظَلَمُوا أَنْفُسَهُمْ جَاءُوكَ فَاسْتَغْفَرُوا اللَّهَ وَاسْتَغْفَرَ لَهُمُ الرَّسُولُ لَوَجَدُوا اللَّهَ تَوَّابًا رَّحِيمًا ۖ

Maksudnya: "...dan kalaulah mereka ketika menganiaya diri sendiri (kerana melakukan dosa) datang kepadamu (Wahai Muhammad) lalu memohon ampun kepada Allah, dan Rasulullah juga memohon ampun untuk mereka, tentulah mereka mendapati Allah Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani". -Al-Nisa':64-

Allah berfirman:

وَاتَّبِعْ سَبِيلَ مَنْ أَنَابَ إِلَيَّ

Maksudnya: "Dan hendaklah kamu ikut jalan orang yang melakukan inabah kepadaKu (benar-benar kembali kepadaKu zahir dan batin)". (Luqman:15)

Orang yang benar-benar kembali kepada Allah (orang yang melakukan *inabah*) sentiasa diberi hidayat oleh Allah. Maka begitulah juga orang yang di bawah jagaan dan pimpinannya akan mendapat limpahan hidayat tersebut. Allah berfirman:

وَيَهْدِي إِلَيْهِ مَنْ أَنَابَ ۚ ٢٧

Maksudnya: "... Dan Allah sentiasa memberi hidayat kepada orang yang kembali zahir dan batinnya kepada Allah." (Al-Rad: 27)

MENYEDARKAN AKAL DAN HATI

Akal dan hati golongan ini, apa juga jenis ketagihanatau salah laku sosial dan akidah, telah dikuasai oleh nafsu dan syaitan, tidak dapat berfungsi, hingga mereka digambarkan oleh Allah sebagai orang yang buta, pekak dan bisu. Lebih jauh lagi keadaan mereka sudah menjadi lebih buruk daripada binatang ternak. Tegasnya akal mereka lalai, dan hati mereka telah mati. Kedua-duanya perlu disedarkan dan dihidupkan.

Akal yang lalai mestilah disedarkan dengan mentaklimkan dan mentarbiahkan ilmu dan kefahamannya yang sesuai dengan tahap pemikiran mereka yang hendak dirawat dan dipulihkan. Bukan hanya ilmu agama, tapi apa juga bentuk ilmu dan pemikiran yang boleh mengisi ruang akal mereka dan menyedarkan mereka.

Mengenai hati yang mati, yang keras, yang berpenyakit, yang buta dan sebagainya pula, hendaklah dibaiki dan dihidupkan menerusi kaedah *tarqiyyah* seperti yang tegaskan oleh golongan sufiyyah dengan pimpinan syeikh mursyid, di samping terus mengharap rahmat dan *inayah* Allah. Dalam kontek inilah diperlukan seorang pendakwah yang mampu menyampaikan dakwah dengan kedua-dua kaedah *bil lisani hal* dan *bil lisanil maqal*. Sifat-sifat peribadi pendakwah akan membantu mempercepatkan kesedaran akal dan hidupnya hati. Hanya Allah sahaja yang boleh memperbaiki dan menghidupkan hati. Tetapi pendakwah mestilah berusaha bersungguh-sungguh. Allah berfirman;

أَوْ مَنْ كَانَ مَيِّتًا فَأَحْيَيْنَاهُ وَجَعَلْنَا لَهُ نُورًا يَمْشِي بِهِ فِي النَّاسِ كَمَنْ مَتَّئِدٌ فِي الظُّلُمَاتِ لَيْسَ بِخَارِجٍ
مِّنْهَا كَذَلِكَ زُيِّنَ لِلْكَافِرِينَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ١٢٢

Maksudnya; “Dan adakah orang yang (hatinya) mati, kemudian Kami hidupkan hati itu (dengan hidayat petunjuk) dan Kami jadikan baginya cahaya (iman) yang menerangi (sehingga dapatlah dia membezakan antara yang benar dengan yang salah, dan dapatlah) dia berjalan dengan suluhan cahaya itu dalam masyarakat manusia, (adakah orang yang demikian keadaannya) sama seperti orang yang tinggal tetap di dalam gelap-gelita, yang tidak dapat keluar sama sekali daripadanya? Demikianlah (sebagaimana iman itu diperlihatkan keelokannya kepada orang-orang yang beriman), diperlihatkan pula pada pandangan orang-orang yang kafir itu akan keelokan apa yang mereka telah lakukan (dari perbuatan kufur dan segala jenis maksiat)”. (al- Anam:122)

Walaupun Allah yang menghidupkan hati, namun usaha ikhtiar yang tepat dan sesuai mesti dilakukan. Antara usaha yang perlu kita lakukan dalam strategi menghidupkan hati ialah penekanan amalan zikir dan *tafakkur* yang bersungguh-sungguh. Menurut Ibnu Ata'illah, apabila seseorang terus berzikir dan bertafakkur, maka keadaan hatinya akan diubah oleh Allah, dari *ghaflah* (lalai) kepada *yaqazah* (sedar), akan ditingkatkan ke peringkat *hudur* di mana hati telah tenggelam mengingati Allah. Dan akhirnya hati hanya ingat Allah sahaja, tidak ingat yang lain. Dengan ini bermakna hati menjadi hidup dan bercahaya seperti yang disebut dalam surah al-Anam ayat 122 yang disebutkan di atas.

KAEDAH RAWATAN AMALI

Asas rawatan amali yang diberikan berdasarkan kepada keperluan mental, fizikal dan spiritual mereka, (tubuh badan, akal dan hati). Ada beberapa langkah yang penting dalam kaedah yang digunakan adalah seperti berikut:

1. Peringkat kaunseling. Objektifnya ialah untuk menimbulkan kesedaran akal mangsa. Berbagai cara boleh digunakan untuk tujuan tersebut. Antara kaedah yang sangat berkesan ialah penggunaan pemikiran mangsa itu sendiri yang telah diluahkan kepada perawat.
2. Perawat hendaklah mentalqinkan taubat kepada penagih dengan beristighfar sebanyak 1000 kali.

3. Setelah selesai beristighfar , pesakit yang terlibat hendaklah diberi minum air garam yang telah dilarutkan dalam air limau nipis dan air yang telah didoakan, mengikut sukatan yang telah ditentukan .
4. Perawat hendaklah mandikan pesakit .Sebelum dimandikan, penagih hendaklah mengambil wuduk. Bila mandian dimulakan , pesakit hendaklah berniat mandi sunat taubat dari semua dosa yang besar dan kecil. Setelah dijiurkan air ke seluruh tubuh badan, potongan limau nipis yang telah disediakan dan digaul dengan garam halus hendaklah digosokkan di seluruh tubuh badan. Ketika mengosokkan potongan limau nipis tersebut hendaklah perawat membaca surah *al-insyirah* serta selawat nabi s.a.w. Akhir sekali, pesakit hendaklah dijiurkan dengan air batu yang telah disediakan. Biasanya air batu yang disediakan itu sebanyak satu baldi besar atau lebih.
5. sembahyang sunat taubat dan sunat hajat serta doa dengan mana-mana doa yang sesuai; (jika pesakit mampu, maka pesakit juga mesti melakukan kedua-dua solat tersebut).
6. Mereka perlu terus beristighfar dari permulaan rawatan hingga akhirnya. Jika ada saudara mara atau rakan-rakan yang hadir bersama, hendaklah juga bersama-sama beristighfar. Hendaklah ditegaskan supaya hati pesakit benar-benar niat bertaubat kepada Allah.
7. Mengeluarkan syaitan dari tubuh pesakit. Jika sudah dipastikan seseorang penagih yang hendak dirawat ada syaitan di dalam tubuhnya, samada syaitan itu masuk sendiri atau sengaja dimasukkan menggunakan berbagai ilmu seperti ilmu susuk atau sebagainya maka hendaklah syaitan tersebut dikeluarkan. Tugas mengeluarkan syaitan ini perlu diutamakan kerana selagi syaitan menguasai zahir dan batinnya rawatan yang diberikan seterusnya tidak akan memberi kesan atau berfaedah.
8. Memberi minum air garam dan air limau nipis yang telah diruqyahkan sekali lagi jika difikirkan perlu. Tujuan utama ialah membersihkan unsur-unsur syaitan yang berada di dalam perut akibat dari gaya hidup. Kadang-kadang minuman tersebut perlu diulang beberapa kali. Biasanya pesakit yang dirawat akan muntah mengeluarkan unsur-unsur syaitan dengan bau yang busuk. Kadang-kadang pesakit juga akan buang air besar berwarna hitam dan sangat busuk.

Kaedah ini didasarkan kepada perintah Allah kepada nabi Allah Ayub untuk menyembuhkan penyakitnya seperti yang tersebut di dalam Al-Quran (Al-Shad 41-42).

9. Pesakit hendaklah diberi rawatan secara *refleksologi Islam*. Mereka yang pakar dalam perubatan *refleksologi Islam*, insyaAllah akan dapat mengeluarkan syaitan atau jin dari tubuh badan penagih. Sebelum dilakukan pukulan hendaklah disapukan dengan garam halus yang dimasukkan ke dalam air cuka dan perahan air limau nipis yang telah dibacakan dengan beberapa ayat Al-Quran dan doa. (Kaedah ini telah berjaya mengeluarkan dan memisahkan syaitan dan jin dari tubuh badan pesakit yang menghadapi pelbagai masalah akidah dan syariah, seperti masalah Rasul Melayu, golongan Milah Ibrahim, golongan Quraniyyah dll).

SUHBAH

Wujudnya hubungan antara mentor dan mentee maka lahirlah *suhbah*. *Suhbah* dari segi bahasa bermaksud persahabatan, tetapi konsepnya yang sebenar ialah wujudnya hubungan yang intim antara mentor dan mentee. Intimnya hubungan tersebut samalah seperti intimnya hubungan para sahabat dengan Rasulullah s.a.w. Konsep *suhbah* ini sebenarnya bersumberkan daripada apa yang berlaku dalam sirah Rasulullah s.a.w ketika bersama sahabat.

Dalam proses *suhbah* tersebut apa sahaja sifat-sifat zahir dan batin mentor akan terlimpah kepada zahir dan batin mentee. Limpahan perbagai kebaikan inilah yang dikenali sebagai *al-barakah* (keberkatan). Keberkatan ini asalnya Allah kurniakan kepada nabi s.a.w dan terus melimpah kepada para sahabat. Kemudian dari sahabat kepada tabiin, hinggalah sampai kepada generasi kita. Rasulullah bersabda yang bermaksud;

لا يدخل النار من راني ولا من راء من راءني ولو بسبعين واسطة

Maksudnya: "Tidak akan masuk neraka orang mukmin yang melihat aku (dalam keadaan beriman), begitu juga orang yang melihat orang yang pernah melihat aku, begitulah seterusnya walaupun sampai tujuh puluh lapis keturunan. "

Adanya hubungan intim tersebut apabila orang yang bertaubat mahu melakukan sesuatu kejahatan maka ia segera ingat dan terbayang wajah orang

alim yang menjadi mentornya. Ingatan dan bayangan wajah mentor seperti ini menjadi *rabitah* hati (meneguhkan iman di dalam hati) dan minda yang membantu memperkasakan *himmah* dan iman untuk mengelakkan kejahatan. Jika ditakdirkan orang yang bertaubat itu terjerumus ke lembah maksiat maka mudah baginya untuk mendapatkan nasihat dan doa supaya ia dapat membetulkan kesilapannya dengan segera.

Salah satu faktor yang mendorong penagih yang telah sembuh kembali semula kepada gaya hidup lamanya adalah disebabkan tidak ada ***suhbah*** atau hubungan yang berterusan antara perawat dengan penagih yang dirawat.